

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI RABU, 15 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 23**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1242-L43672  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kaedah keputusan yang diambil ke atas perkara ini: Mei (Bernama) - Sistem biometrik yang akan mula digunakan oleh Jabatan Imigresen Jun depan dikenal pasti dapat mengekang kegiatan jenayah merentasi sempadan melibatkan warga asing, di mana kewujudan sistem pengimbas cap jari itu diharap dapat menangani isu-isu keselamatan, antaranya pemerdagangan manusia, penyeludupan dadah dan senjata, dan keganasan.
2. PR-1242-L44200  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang melantik wakil-wakil NGO yang tidak berpihak kepada mana-mana parti politik sebagai Ahli Dewan Negara. Jika ada berikan statistiknya dan nama NGO tersebut serta apakah kriteria memilih NGO itu.
3. PR-1242-L44813  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dalam tahun 2009-2011 berapa jumlah rekrut tentera di seluruh negara dan jumlah rekrut tentera dari kalangan anak-anak Sarawak. Mengapa pihak Kementerian tidak begitu menggunakan kaedah media baru seperti Youtube, Facebook dan Twitter untuk medium pengiklanan.
4. PR-1242-L45067  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-
  - (a) di dalam dasar Kerajaan yang menghalang siaran iklan dalam program TV berbayar, mengapa ASTRO dibenarkan untuk menyiarkan iklan-iklan didalam program mereka; dan

- (b) memandangkan keuntungan tahunan bersih sebanyak RM 700 juta untuk 2010, apakah Kerajaan bercadang untuk mengawal ASTRO supaya mengurangkan kos langganan bulanan yang dibebankan kepada rakyat pendapatan rendah.
5. PR-1242-L43965  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejak dulu lagi terdapat banyak kes kebakaran di rumah-rumah panjang di Sarawak yang menyebabkan kerugian besar di kalangan penduduk yang terlibat. Dalam jangkamasa lima tahun kebelakangan ini apakah anggaran kerugian daripada kebakaran-kebakaran rumah panjang seumpama ini dan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk mencegah dan mengurangkan kejadian seumpama ini berulang.
6. PR-1242-L44449  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan pesakit yang mengalami sakit kronik *Multiple Sclerosis* di seluruh negara setakat ini
- apakah asas-asas pertama yang mengakibatkan pesakit menghidap penyakit ini; dan
  - nyatakan jenis bantuan oleh Kementerian terhadap pesakit-pesakit *Mutiple Sclerosis* ini anggaran tanggungan perubatan setiap pesakit *Mutiple Sclerosis* ini.
7. PR-1242-L43721  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persepsi antarabangsa berhubung penglibatan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang pro-aktif menyertai forum, konvensyen dan seminar global sebagai suara hak wanita, pembangunan modal insan dan masyarakat di peringkat dunia.
8. PR-1242-L44104  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah geran, bantuan dan insentif yang diberikan untuk tujuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dari tahun 2005 hingga 2010.
9. PR-1242-L44722  
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perancangan dalam RMKe-10 untuk melebarkan jambatan Batang Kali di Laluan Persekutuan 1 (FT001) yang sempit dan sering menyebabkan berlakunya kesesakan terutama pada waktu puncak dan musim perayaan dan berapakah anggaran kos kerja pelebaran tersebut.

10. PR-1242-L44937  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan undang-undang yang membenarkan syarikat teksi yang membuka kaunter jualan baucer dan mengenakan tambahan 10 peratus atas tambang penumpang.
11. PR-1242-L43966  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kesediaan Kerajaan bagi mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu digunakan secara tuntas terutama dalam persidangan utama antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), UNESCO serta perbincangan perniagaan dan korporat serta Kerajaan antara kerajaan.
12. PR-1242-L44058  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perlaksanaan penghapusan duti import kepada 300 barang memberi kebaikan kepada rakyat negara ini.
13. PR-1242-L43350  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan kursus-kursus keibubapaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa.
14. PR-1242-L44856  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang diberi kepada Talent Corp pada tahun 2010 dan 2011. Sila nyatakan bilangan kakitangan yang diambil berkerja oleh Talent Corp di Malaysia dan luar negara dan senaraikan program yang telah dan akan diadakan oleh Talent Corp.
15. PR-1242-L44467  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bilangan kes penyeludupan dadah yang gagal dikesan di lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan kita tetapi ditahan di seberang laut. Sila nyatakan sebab berlakunya 'ketirisan' dan jumlah warganegara kita terbabit yang ditahan.
16. PR-1242-L43792  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan amaun belanjawan, tarikh permulaan dan tarikh siap cadangan projek pelebaran lebuh raya dari Rawang ke Tol PLUS dan dari Tol PLUS ke Kuala Selangor.
17. PR-1242-L44178  
**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang terkini yang berdasarkan sistem teknologi maklumat dan lebih efektif.

18. PR-1242-L43664  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah memperbaiki rangkaian maklumat kutipan pinjaman yang berkualiti rendah menyebabkan hanya RM600 juta berjaya dikutip daripada peminjam-peminjam setakat ini.
19. PR-1242-L43976  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kes rompakan kapal di lautan pantai bagi tempoh 3 tahun yang lepas iaitu 2008-2010.
20. PR-1242-L43847  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan ke atas Laporan Bank Dunia terhadap kejadian *brain drain* di Malaysia. Adakah Kerajaan bersedia menangani persepsi ketidaksaksamaan sosial seperti yang telah dilaporkan dalam kajian tersebut.
21. PR-1242-L43299  
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian mengenal pasti kaedah dan pendekatan terbaik menangani kenaikan harga barang dan perkhidmatan berikutnya kenaikan harga bahan api yang membebankan rakyat sekarang khususnya golongan berpendapatan rendah.
22. PR-1242-L44899  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perkembangan dan mercu kejayaan terkini dalam Projek 1Malaysia Netbook yang menelan belanja RM1 billion yang dibiayai menerusi tabung Universal Service Provisioning (USP) yang merupakan sumbangan wajib para pelesen SKMM.
23. PR-1242-L43729  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pencapaian dan perlaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) luar bandar dan wilayah terutama di negeri Sabah.
24. PR-1242-L43447  
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah subsidi yang disalurkan oleh Kementerian kepada rakyat (terutama kepada petani padi, pekebun kecil getah, kelapa sawit, sayur dan tanaman kontan lain) melalui pelbagai skim subsidi dan geran dari tahun 2008 hingga 2010, dan apakah subsidi tersebut akan dirasionalisasikan.

25. PR-1242-L44850  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan cadangan menggunakan *biofuel* sebagai tenaga alternatif untuk kenderaan. Apakah usaha Kementerian untuk mengimbangi permintaan minyak sawit berbanding dengan penggunaannya untuk dijadikan bahan bakar yang akan menjelaskan harga pasaran dan penawaran.
26. PR-1242-L44137  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang direkodkan terhadap akhbar Utusan dan mengapakah akhbar tersebut diberikan layanan berlainan sehingga tiada tindakan undang-undang dikenakan.
27. PR-1242-L44381  
**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan untuk melibatkan usahawan Bumiputera secara besar-besaran dalam projek mega yang bernilai RM 60 bilion milik Petronas di Johor yang telah diumumkan baru-baru ini.
28. PR-1242-L44565  
**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengikut Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2009, sektor SME telah teruk terjejas oleh krisis kewangan global di mana permintaan produk dan perkhidmatan menurun sebanyak 50%-80%. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi perkembangan SME di Wilayah Iskandar.
29. PR-1242-L43615  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan objektif program penajaan pelajar Malaysia di Beijing Foreign Studies University di negara China. Sila nyatakan jumlah dan kos program tersebut.
30. PR-1242-L43907  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes pembunuhan peguam G Balasunderam pada 17/11/2010. Adakah Menteri setuju bahawa kegagalan pihak polis untuk mendakwa sesiapa pun berkaitan pembunuhan Balasunderam akan menggalak penjenayah lain memilih kaedah pembunuhan untuk menyelesaikan masalah mereka.
31. PR-1242-L43848  
**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas status warga negara Datu Akhjan yang telah menabalkan diri sebagai Sultan Sulu kerana beliau telah menderhaka kepada Malaysia.

32. PR-1242-L43894  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk merawat penyakit berkaitan rokok seperti kanser tiap-tiap tahun, apakah pendapatan yang telah dikutip dari produk tembakau dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam usaha mengurangkan penyakit berkaitan rokok.
33. PR-1242-L43163  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan (*Government delivery system*) buat masa kini.
34. PR-1242-L44292  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapa yang harus bertanggungjawab terhadap kesilapan penterjemahan Bahasa Melayu kepada Bahasa Cina semasa sambutan rasmi rombongan Wen Jiabao oleh Kerajaan Pusat dan apakah tindakan yang diambil terhadap kakitangan Kerajaan tersebut.
35. PR-1242-L43236  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk membersihkan imej yang telah tercalar hasil daripada operasi 3B oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
36. PR-1242-L44824  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas surat khabar Utusan Malaysia kerana laporan bersifat provokatif pada keluarannya bertarikh 7hb Mei 2011 tentang Kristian agama rasmi.
37. PR-1242-L43667  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kajian kualitatif dan kuantitatif yang dibuat serta apakah penemuannya dari sudut penguatkuasaan ke atas kes-kes seperti di Seremban, 11 Mei (Bernama)-seorang wanita China yang diberkas di sini malam tadi kerana dipercayai bekerja sebagai pelayan pelanggan (GRO) didapati memegang kad pelajar universiti Malaysia.
38. PR-1242-L44955  
**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kekeliruan fatwa poco-poco yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia baru-baru ini.

39. PR-1242-L43834  
**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM) di dalam meningkatkan kapasiti penyelidikan forensik untuk membantu di dalam penyelesaian kes-kes berprofil tinggi dan apakah kepakaran ini di tahap yang setanding atau lebih baik daripada yang terdapat di negara-negara maju.
40. PR-1242-L43891  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan infrastruktur di Lapangan Terbang Sibu bagi 5 tahun ke depan.
41. PR-1242-L43260  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan langkah yang diambil Kerajaan dalam menubuhkan konsortium membabitkan 24 syarikat berlesen pemberi perkhidmatan kemudahan dan rangkaian individu untuk menurunkan bayaran melanggan jalur lebar kepada pengguna.
42. PR-1242-L43313  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah sebarang kajian diadakan untuk menyelesaikan kemerosotan disiplin pelajar di sekolah dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan pelajar di sekolah.
43. PR-1242-L43207  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah faedah ekonomi yang telah diperolehi oleh rakyat Negeri Perlis dan berapakah sumbangan kepada GDP negeri Perlis, dari ladang rusa dan burung unta, di sebuah negeri yang amat kekurangan tanah untuk menampung keperluan ekonomi rakyat.
44. PR-1242-L44988  
**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan keutamaan Kerajaan memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris di seluruh negara (dengan persetujuan untuk menggunakan tenaga pengajar American Peace Corp), bolehkah PPSMI diimbas kembali dengan perlaksanaan PPSMI di sekolah-sekolah tertentu. Kaedah tersebut boleh dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak sekiranya bercanggah dengan dasar pendidikan nasional memandangkan kewujudan perjanjian "20 point/18 point" semasa penubuhan Malaysia pada 1963 dan kegunaan Bahasa Inggeris yang meluas di kedua buah negeri tersebut.

45. PR-1242-L44483  
**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah tahap sara diri dari segi makanan bagi setiap rakyat iaitu beras, ayam, lembu, kambing, ikan dan sayur-sayuran. Apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran komoditi tersebut.
46. PR-1242-L43598  
**Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan selain daripada SJK(C) Tun Tan Siew Sin di Putra Height serta 19 buah SJK(C) baru dan perpindahan SJK(C) yang diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran melalui suratnya [Ruj:SUS/MPM//08/02(16)] bertarikh 30 Januari 2008 kepada bekas Presiden MCA, adakah terdapat sebarang SJK(C) baru diluluskan di Semenanjung Malaysia selepas itu.
47. PR-1242-L43562  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan untuk Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2010 hingga 2011 dan senaraikan jumlah kelulusan peruntukan mengikut projek.
48. PR-1242-L43323  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik perkahwinan melibatkan pasangan warga asing yang telah berlaku di Malaysia sejak tahun 2000 mengikut negara asal.
49. PR-1242-L43382  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah 'Mat Rempit' yang berleluasa dan bangsa manakah yang paling ramai merempit.
50. PR-1242-L44804  
**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mengenakan syarat yang sama kepada penganut agama lain sebagaimana penganut agama Islam memberi syarahan mengenai agama masing-masing bagi mengelakkan sikap pelampau diterapkan sejarah dengan cita-cita Kerajaan bagi mewujudkan suasana harmoni dan kesefahaman di antara agama dan kaum.

51. PR-1242-L44712  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan anggota keselamatan kita yang terlibat bersama Misi Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (5) lima tahun terdahulu dan berapakah bilangan anggota yang terlibat dalam kemalangan semasa menyertai misi tersebut. Apakah langkah-langkah pihak Kementerian dalam menjaga kebijakan anggota keselamatan tersebut selain daripada faedah-faedah insurans yang telah sedia ada.
52. PR-1242-L44424  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah jualan produk usahawan keluaran peneroka FELDA sejak 10 tahun dan apakah jenis produk yang dipasarkan di peringkat domestik dan antarabangsa.
53. PR-1242-L44635  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan daripada tahun 2006 hingga tahun 2011, berapakah bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan Master dan PhD meninggalkan IPTA untuk berkhidmat di IPTS atau ke sektor lain. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya situasi demikian.
54. PR-1242-L44273  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-  
(a) sejauh manakah pelaksanaan perkampungan WiFi yang telah dilaksanakan di Sarawak; dan  
(b) apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian di dalam pelaksanaan projek tersebut dan bagaimana pihak Kementerian bertindak untuk mengatasi masalah tersebut.
55. PR-1242-L43973  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengkaji semula insurans yang dikenakan kepada kereta-kereta yang melebihi 10 tahun (insurans kelas ketiga) di mana insurans lebih mahal daripada *road tax* dan apabila terjadi kemalangan pemilik kenderaan (pemilik insurans) tersebut tidak dapat menuntut kerosakan kereta daripada syarikat insurans tersebut.
56. PR-1242-L44514  
**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan skim penjualan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) menawarkan sebanyak 44,905 unit semenjak ianya dilancarkan pada Oktober 2009. Sehingga kini berapa unitkah yang telah dijual mengikut kaum.

57. PR-1242-L44358  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan akan diambil untuk menyiasat pengeluaran saman trafik yang ternyata salah, misalnya saman trafik dikeluarkan di Semenanjung mengenai sebuah kereta padahal kereta yang disamankan adalah di Sarawak pada masa berkenaan. Sama ada pegawai penguatkuasa berkenaan akan diambil tindakan tatatertib.
58. PR-1242-L43137  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status penambahbaikan jalan raya dari Bukit Kayu Malam hingga ke Simpang Jalan Bulat, Sarikei seperti mana yang dinyatakan dalam sesi Parlimen yang lepas berasaskan kepada situasi sepanjang lebuhraya yang berkenaan cukup bahaya dan teruk.
59. PR-1242-L45014  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan secara terperinci nilai pinjaman untuk setiap IPT awam dan swasta yang terlibat dalam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dari tahun 2008 sehingga tahun 2010 dan jumlah tunggakan bayaran balik mengikut institusi berkenaan.
60. PR-1242-L43406  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam membawa pulang serta menawarkan tempat bagi golongan pakar dalam bidang-bidang tertentu di negara kita; dan
  - (b) langkah Kerajaan dalam memastikan golongan usahawan Bumiputera turut serta dan berkongsi sama menikmati kek ekonomi dalam Program Transformasi Ekonomi Kerajaan yang dilancarkan baru-baru ini.
61. PR-1242-L43686  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan pemahaman komprehensif rakyat tentang Perlembagaan Persekutuan. Adakah wujud kempen-kempen bagi menggalakkan rakyat memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan.
62. PR-1242-L43889  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kanak-kanak yang menghidapi kanser di setiap negeri di dalam Malaysia dan rancangan Kerajaan untuk membantu kanak-kanak tersebut dan juga Orang Kurang Upaya (OKU).

63. PR-1242-L44268  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang berkesan yang diambil bagi menghentikan segera propaganda-propaganda perkauman yang menghasut bagi menimbulkan kebencian rakyat kepada Kerajaan oleh beberapa pihak termasuk blogger dan pejuang NGO perkauman serta akhbar-akhbar harian yang sangat merbahaya dan boleh mengancam keamanan negara ini.
64. PR-1242-L44960  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa pihak yang mengendalikan kad Touch & Go tidak menyediakan kemudahan untuk *top-up* di lorong Plaza Tol sedangkan promosi penggunaannya amatlah hebat.
65. PR-1242-L43852  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebagai Kerajaan yang komited dengan falsafah mendahuluikan rakyat', apakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan sistem gaji bagi kakitangan awam yang anjal (*flexible*) mengikut tuntutan kos hidup semasa.
66. PR-1242-L44025  
**Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian di dalam menangani subsidi-subsidi petrol sekiranya harga berterusan meningkat dan bolehkah Kerajaan menguruskan subsidi-subsidi sekiranya negara terlalu bergantung kepada pendapatan semasa berdasarkan bajet Kerajaan.
67. PR-1242-L43488  
**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan peruntukan RM2 juta bagi mengatasi banjir di kawasan Parlimen Barisan Nasional Kedah sahaja.
68. PR-1242-L43505  
**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa masalah obesiti, berbagai penyakit seperti kencing manis adalah berpunca daripada pemakanan yang dibuat dan diproses yang mengandungi kandungan gula yang berlebihan. Oleh itu adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan peraturan bagi menetapkan had kandungan gula dalam semua jenis makanan yang dibuat dan diproses di dalam negara.
69. PR-1242-L44110  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai urusan Kerajaan melalui saluran elektronik atau e-khidmat yang telah *di outsource* kepada syarikat swasta serta bayaran yang dikenakan oleh syarikat tersebut sejak 2005-2011.

70. PR-1242-L44119

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ditugaskan dalam pelbagai jabatan Kerajaan yang didapati mudah berlaku amalan rasuah dan apakah pencapaian setakat ini.

71. PR-1242-L44626

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara teliti senarai makanan yang berkhasiat dan senarai makanan yang dilarang penjualan di kantin sekolah. Dasar apakah yang menyatakan nasi lemak, mi goreng dan nasi ayam adalah makanan kurang berkhasiat.

72. PR-1242-L44018

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan secara terperinci rancangan Kerajaan membelanjakan sebanyak RM6 bilion untuk membeli 6 Offshore Patrol Vessels (OPVs) dan sama ada tender antarabangsa pernah dilaksanakan sebelum kontrak dianugerahkan kepada Boustead Shipping Dockyard.

73. PR-1242-L43951

**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah untuk meningkatkan kelayakan pemohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di kawasan bandaraya dari RM740 ke RM1200 sebulan; dan
- (b) jelaskan sistem pembayaran JKM kepada penerima yang tidak mengikuti jadual sehingga menimbulkan masalah lambat bayar.

74. PR-1242-L44006

**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pesakit muda di peringkat sekolah rendah dan menengah yang mengalami masalah kesihatan dan terpaksa tinggal lama di hospital pada tahun 2009 dan 2010; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian bagi menyokong kemudahan pendidikan untuk membantu murid yang menghadapi masalah kesihatan dan terpaksa meneruskan rawatan di hospital terutamanya yang menduduki peperiksaan.

75. PR-1242-L44053  
**Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mendidik pengguna jalan raya terutama pelajar sekolah supaya mematuhi undang-undang jalan raya.
76. PR-1242-L44370  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan Kerajaan mengenai tapak lama penjara Kuching di Jalan Tabuan Kuching yang bangunannya telah dirobohkan.
77. PR-1242-L44350  
**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan kepada kawasan-kawasan pedalaman yang belum mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya, supaya dapat menolong penduduk di sana meningkatkan pendapatan mereka selaras dengan konsep 1Malaysia dan negara yang berpendapatan tinggi.
78. PR-1242-L43781  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- berapakah jumlah pemberian Pemastautin Tetap (PR) kepada warga asing dari tahun 2005 hingga 2011 mengikut kategori dan negara asal ; dan
  - berapakah jumlah pemberian taraf warganegara daripada taraf Pemastautin Tetap dari tahun 2005 hingga 2011 mengikut negara asal.
79. PR-1242-L44844  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- rancangan Kementerian untuk menaik taraf/mengganti jambatan satu lorong kepada 2 lorong di Sungai Sungkai, Sungai Slim, Sungai Balun dan Sungai Behrang; dan
  - cadangan pembinaan jejantas pejalan kaki di hadapan Sekolah Menengah Dato' Zulkifli Muhammad, Slim River dan Politeknik Sultan Azlan Shah.
80. PR-1242-L44484  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menimbangkan cadangan perwujudan Tabung Amanah Pilihanraya yang akan menyalurkan peruntukan tetap kepada calon yang bertanding dalam pilihanraya untuk mengelak dari rasuah dan politik naungan.

81. PR-1242-L43436  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang memberikan biasiswa Kerajaan secara terus kepada setiap pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 8A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
82. PR-1242-L44190  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menghargai peranan yang telah dilaksanakan oleh guru-guru terutama bagi mereka yang telah berkhidmat lebih 10 tahun.
83. PR-1242-L43458  
**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memupuk sikap disiplin di kalangan anggota polis di negara ini yang terlibat dengan beberapa kes melanggar disiplin dan penyalahgunaan senjata yang dilaporkan.
84. PR-1242-L44758  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kesan ke atas rakyat berikutan beberapa siri kenaikan harga petrol yang dipersetujui Kerajaan baru-baru ini.
85. PR-1242-L43354  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Bumiputera daripada keluarga miskin bagi mengikuti kursus ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah menerusi Program Mengubah Destinasi Anak Miskin (MDAM).
86. PR-1242-L43717  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sumbangan industri perladangan kepada pembangunan ekonomi dan apakah inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan permintaan terhadap komoditi daripada Malaysia kekal pada tahap memberangsangkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia dalam sektor perladangan.
87. PR-1242-L44487  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah perkembangan SME di Wilayah Iskandar yang terjejas teruk sehingga 80% berikutan krisis ekonomi dunia.

88. PR-1242-L43613  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan Puteri UMNO masuk sekolah untuk mengajak pelajar menyertai Puteri UMNO. Pegawai di IAB, Kementerian dan JPN turut memainkan peranan meminta guru-guru di sekolah menyokong dan mengekalkan Kerajaan yang ada. Adakah ini arahan Kementerian atau sekadar usaha persendirian pengawai tertentu di peringkat berkenaan sahaja.
89. PR-1242-L45012  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data terperinci berkaitan jumlah migrasi penduduk-penduduk desa ke kawasan bandar mengikut bandar-bandar utama di setiap negeri dari tahun 1990 hingga 2010.
90. PR-1242-L43279  
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang mengekalkan Bayaran Imbuhan Subjek Penting (BISP) kepada guru-guru selepas dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) digantikan kepada Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dilaksanakan.
91. PR-1242-L44940  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratus kenaikan bilangan anggota penjawat awam termasuk polis, tentera, bomba dari Mac 2010 hingga Mac 2011.
92. PR-1242-L43969  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyediakan bekalan air paip ke kawasan penempatan Penan di Long Urun dan juga membina jambatan besi di Long Laku. Juga apakah rancangan-rancangan pembangunan oleh Kerajaan untuk dua penempatan ini.
93. PR-1242-L44093  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang menerima biasiswa JPA untuk mengikuti kursus di luar negara mengikut kaum dan kursus.
94. PR-1242-L43504  
**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang telah terjadi kepada kelulusan yang telah lama diberi untuk membina sebuah sekolah sukan di Negeri Perlis kerana sehingga kini tidak ternampak sebarang perkembangan berlaku, sedangkan proses pengambilan tanah bagi membina sekolah tersebut telahpun selesai dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

95. PR-1242-L44815  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membuka perkhidmatan klinik pergigian di kawasan Parlimen Sibuti iaitu Klinik Batu Niah dan Klinik Bekenu.
96. PR-1242-L43178  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sanggup mengembalikan pelaksanaan Real Property Gains Tax Act 1976 (Act 169) untuk menyekat kegiatan spekulasi dari luar dan dalam negeri yang menyebabkan peningkatan harga rumah berterusan dan kerisauan rakyat penduduk bandar kerana tidak mampu membeli rumah di kawasan bandar.
97. PR-1242-L44916  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) rasional pelancaran projek RAPID (*Refinery and Petrochemical Integrated Development*) yang akan dibangunkan oleh Petronas di Pengerang, Johor dengan anggaran kos sebanyak RM60 bilion; dan
  - (b) mengapa projek ini tidak dibangunkan di negeri-negeri yang sudah mempunyai prasarana petroleum dan petrokimia seperti Terengganu, Kelantan, Sabah atau Sarawak.
98. PR-1242-L44957  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pakej Umrah dan Haji penerbangan MAS terutamanya ruang tempat duduk yang sempit.
99. PR-1242-L44780  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan atas alasan apakah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) meluluskan pinjaman sebanyak RM145.4 juta tahun 2009 sedangkan Kerajaan hanya meluluskan RM90 juta sahaja.
100. PR-1242-L43304  
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mempunyai perancangan bagi membantu kira-kira 8,000 koperasi di seluruh negara memperluaskan jaringan pasaran produk ke luar negara.

101. PR-1242-L43568  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian Program NKRA-LIH sejak ia diperkenalkan dan impak program tersebut di Sabah dan Labuan khususnya dalam meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.
102. PR-1242-L43628  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kelebihan perlaksanaan dasar GST untuk rakyat.
103. PR-1242-L44470  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana kelemahan dan penyelewengan yang dihuraikan dalam Laporan Ketua Audit Negara (Auditor General's Report) berjaya menebus kembali wang pembaziran yang terbabit sejak tahun 2008. Apakah tindakan susulan yang diambil terhadap Kementerian atau pegawai berkenaan di samping perlunya mereka memberi penjelasan.
104. PR-1242-L44365  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran setakat 1 Mei 2011 dan perancangan masa depan Kementerian untuk menyediakan peluang pekerjaan pada pelajar lepasan sekolah.
105. PR-1242-L44191  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah pemantauan pihak berkuasa terhadap akhbar-akhbar yang menyiaran berita berkaitan artikel yang menyentuh isu-isu sensitif.
106. PR-1242-L44335  
**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana dakwaan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) bahawa Kastam hanya rugi RM 2.2 bilion daripada RM10 bilion duti import yang dikutip setiap tahun. Ianya bertentangan dengan laporan sesetengah media yang melaporkan akibat kelemahan, ketirisan dan rasuah dalam KDRM, Kerajaan kerugian RM108 bilion.
107. PR-1242-L43130  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah peruntukan telah dibelanjakan untuk membangunkan sukan bola sepak dalam negara untuk tempoh masa 20 tahun yang lalu dan apakah kesan dan prestasinya sukan tersebut.
108. PR-1242-L43757  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapakah kedudukan Malaysia jatuh 10 anak tangga kepada 141 dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2010.

109. PR-1242-L43831  
**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk dasar yang akan diguna pakai Kerajaan setelah dasar Approve Permit (AP) pengimportan kenderaan luar dihapuskan menjelang 2015.
110. PR-1242-L44159  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kementerian tidak mengambil langkah untuk menghadapkan tiga orang "Datuk T" iaitu Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk Shazryl Eskay Abdullah dan Datuk Shuib Lazim setelah mereka mengakui terlibat menayangkan video lucah di Hotel Carcosa, Kuala Lumpur.
111. PR-1242-L43783  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah membuat kenyataan yang tidak berasas seperti penjualan telur palsu di pasaran Malaysia.
112. PR-1242-L43533  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar rakyat Malaysia dihidangkan dengan minuman kordial yang tiada khasiat dan hanya terdiri daripada kandungan gula yang tinggi, pewarna, perasa dan bahan awet yang boleh mengakibatkan kegagalan buah pinggang.
113. PR-1242-L43145  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah pihak Kementerian membina sebuah balai bomba di kawasan luar bandar Sarikei yang semakin terdesak akibat kebakaran api yang semakin menjadi khasnya di rumah panjang; dan
  - (b) nyatakan juga, usaha dan rancangan baru untuk menaiktaraf fasiliti dan kelengkapan ahli-ahli bomba di Balai Bomba Bintangor dan Sarikei.
114. PR-1242-L43395  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji *syllabus* yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan dan berpengalaman.

115. PR-1242-L44380  
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai usaha membawa pulang tenaga pakar profesional ke negara ini dan pada masa yang sama, apakah pula pendekatan Kerajaan dalam mengekang tenaga pakar berhijrah ke luar negara.
116. PR-1242-L44900  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) apakah pencapaian Talent Corp. dalam usaha menarik kepulangan warga terpelajar dan berkemahiran untuk berkhidmat di tanah air kita setakat ini; dan
  - (b) apa pula bilangan warga terpelajar dan berkemahiran yang telah meninggalkan negara, mengikut pecahan kaum daripada 1999 hingga 2010.
117. PR-1242-L44435  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah undi pos mengikut pecahan jenis perkhidmatan, jantina dan kaum. Senaraikan mengikut setiap kawasan Parlimen sehingga akhir tahun 2010.
118. PR-1242-L45049  
**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah bentuk mekanisma yang digunakan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan subsidi bahan api di stesen-stesen minyak di negara ini serta apakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan terhadap penyeludupan minyak ini.
119. PR-1242-L43679  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada kemasukan ke Universiti Kuala Lumpur adalah terbuka kepada semua orang tanpa mengira kaum atau terdapat kuota pengambilan masuk penuntut-penuntutnya mengikut kaum. Jika ia berlandaskan kaum, apakah formula kuota yang digunakan.
120. PR-1242-L44274  
**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan bentuk perbelanjaan Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen yang dilaksanakan di Parlimen Ketereh bagi tahun 2009 dan 2010.

121. PR-1242-L44808

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat serta membolehkan mereka menampung sara hidup memandangkan pada hari ini kenaikan harga barang keperluan mahupun minyak petrol terus meningkat.

122. PR-1242-L43674

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah perbelanjaan Universiti Islam Antarabangsa yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia dan adakah kriteria kemasukan penuntut-penuntut ke universiti tersebut dihadkan mengikut kuota berlandaskan agama, bangsa (keturunan) atau negara asal mereka.

123. PR-1242-L43162

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha atau langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Persekutuan membantu JPA Negeri Sarawak dalam mewujudkan dan meluluskan penstrukturran perjawatan baru khususnya jawatan Residen daripada gred gaji N54 kepada gred JUSA C dan Pegawai Daerah daripada gred N48 kepada gred N54 di Sarawak yang sekian lama belum berubah sejajar dengan usaha transformasi Kerajaan.

124. PR-1242-L43250

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) berapa banyakkah *tidal gate* yang dipasang diseluruh negara sejak tahun 2000 disebabkan kenaikan paras air laut (akibat kesan pemanasan global) serta kos yang terlibat dan adakah impak yang dikehendaki dicapai; dan

(b) adakah reka bentuk mereka berfungsi secara efesien dan tindakan ke atas *tidal gate*' yang telah usang mungkin menjadi penyebab banjir kilat atau halangan laluan bot kecil.

125. PR-1242-L44589

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang berkaitan penyiaran dan promosi agar produk yang menggunakan nama dan imej wanita sebagai tarikan seks (*sex attraction*) secara melampau dapat dihentikan segera.

126. PR-1242-L44047

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang dakwaan pelbagai pihak termasuk pakar ekonomi bahawa ETP dan EPP hanyalah projek yang tidak menangani masalah struktural ekonomi negara sekaligus tidak mampu mengeluarkan negara dari perangkap 'pendapatan sederhana' dan menjana ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang disasar dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

127. PR-1242-L43413

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) keberkesanan pihak Kerajaan dalam menyelenggara dan mempertingkatkan keupayaan serta kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (b) fungsi dan peranan yang dimainkan oleh pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam memastikan perairan negara tidak dicerobohi oleh anasir luar.

128. PR-1242-L44408

**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk Projek School/Net setakat ini, jumlah sekolah yang telah dibekalkan perkhidmatan tersebut dan apakah keberkesanan projek tersebut dalam membantu proses pembelajaran.

129. PR-1242-L44117

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berikutan kenaikan harga petroleum di pasaran global, apakah langkah yang diambil untuk mempastikan kadar tarif elektrik untuk kegunaan awam dan industri/komersial tidak dinaikkan sepetimana langkah Kerajaan tidak menaikkan kadar harga RON 95 bagi kepentingan orang ramai.

130. PR-1242-L43678

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan tatatertib yang diambil diatas kelewatan menutup laporan kewangan Sukan Komanwel 1998 oleh Sukom Ninety Eight Berhad (SUKOM 98) yang tertunggak selama 13 tahun dan apakah peraturan baru jika ada untuk mengelak daripada kecuaian seperti ini berulang.

131. PR-1242-L43866

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia dalam membanteras kedatangan pendatang tanpa izin ke negara ini.

132. PR-1242-L43373  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah nelayan Malaysia yang ditahan dan dipenjarakan di Indonesia mengikut kesalahan dalam tempoh dua tahun lalu dan apakah pendekatan Kerajaan dalam menangani masalah ini agar ia tidak terus berlaku.
133. PR-1242-L43981  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembesaran Lapangan Terbang Bario akan dijalankan.
134. PR-1242-L43595  
**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan langkah dan pendekatan yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam ketika menjalankan operasi mencegah maksiat dan khawat bagi mengelakkan kes yang mengakibat kematian baru-baru ini dari berulang kembali.
135. PR-1242-L43645  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan perkhidmatan pengangkutan kereta api akan dihubungkan ke semua bandar di Sabah.
136. PR-1242-L44863  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci jadual berkala dan kadar pemotongan subsidi dan senaraikan secara terperinci barang yang terlibat yang akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang kawalan dan keperluan rakyat.
137. PR-1242-L43718  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan pengkalan udara TUDM Gong Kedak selepas Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan pembentukan Perbadanan Pembangunan Tok Bali.
138. PR-1242-L43634  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa ramaikah guru-guru bertauliah mengajar Bahasa Inggeris ditempatkan di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.
139. PR-1242-L44250  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) proses yang digunakan bagi membatalkan pendaftaran sesuatu pertubuhan; dan

- (b) pihak yang berkuasa memutuskan pembatalan pendaftaran tersebut.
140. PR-1242-L43564  
**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapakah Kerajaan masih tidak bersedia untuk mengiktiraf Kerajaan Hamas di Gaza, yang dipilih oleh rakyat secara demokratik dan apakah alasannya.
141. PR-1242-L43648  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada isu hak seksual golongan minoriti seperti golongan lesbian, gay, bi-seksual dan transgender (LGBT) seperti dilaporkan oleh SUHAKAM pada tahun 2010, mengambil kira pandangan rakyat keseluruhannya atau hanya mengikut pendapat agama.
142. PR-1242-L44216  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pencapaian yang diperolehi dalam meningkatkan penggunaan tenaga solar dalam negara kita.
143. PR-1242-L43324  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sumbangan setiap negeri kepada Kerajaan Persekutuan dari segi cukai secara langsung dan tidak langsung dalam masa 5 tahun (2005-2010). Berapa jumlah peruntukan dari segi program dan projek yang telah dikembalikan kepada negeri Sabah.
144. PR-1242-L43451  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kemungkinan ratusan ribu rakyat asing di Negeri Sabah kini memiliki kad pengenalan Malaysia melalui pemalsuan dokumen Kerajaan, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan yang akan diambil untuk menangani masalah tersebut.
145. PR-1242-L44558  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat merangka langkah pencegahan terutama penilaian infrastruktur sedia ada bagi menghadapi risiko ancaman kenaikan paras air laut akibat pemanasan global terutama di kawasan berisiko tinggi ditenggelami pada 2020 iaitu Batu Pahat, Melaka, Pulau Pinang, Miri, Klang serta Pekan.
146. PR-1242-L43625  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah tenaga nuklear tetap merupakan pilihan sebagai tenaga masa depan bagi Malaysia.

147. PR-1242-L43314

**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan daripada hasil lawatan YB. Timbalan Menteri Pelajaran ke Daerah Lubok Antu pada 9-11 April 2011 yang lalu untuk melihat dengan mata sendiri keadaan sekolah-sekolah yang amat daif dan hampir runtuh, apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |  |                |   |                               |
|--|----------------|---|-------------------------------|
| 1.   | (D.R. 48/2010) | Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 – <b>Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”</b> (14 Jun, 2011) |                               |
| <b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]</b> |                |   |                               |
| 2.   | (D.R. 7/2011)  | Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| <b>[ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ]</b>               |                |   |                               |
| 3.   | (D.R. 2/2011)  | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011   | “                             |
| <b>[ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ]</b>               |                |   |                               |
| 4.   | (D.R. 3/2011)  | Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011   | “                             |
| <b>[ Kementerian Belia dan Sukan ]</b>                                     |                |   |                               |
| 5.   | (D.R. 5/2011)  | Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011  | “                             |
| <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                |   |                               |
| 6.   | (D.R. 46/2010) | Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010   | “                             |
| <b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]</b> |                |   |                               |
| 7.   | (D.R. 45/2010) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010  | “                             |
| <b>[ Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ]</b>        |                |   |                               |
| 8.   | (D.R. 8/2011)  | Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011  | “                             |
| <b>[ Kementerian Luar Negeri ]</b>   |                |   |                               |

9. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 " "

**[ Kementerian Pertahanan ]**

10. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 " "

**[ Kementerian Kewangan ]**

11. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 " "

**[ Kementerian Kerja Raya ]**

12. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 " "

**[ Kementerian Kesihatan ]**

13. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 " "

**[ Kementerian Kesihatan ]**

14. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 " "

**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**

15. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 " "

**[ Kementerian Kewangan ]**

16. PR-1242-U43283

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrikal, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

**(Menteri Pertahanan)**

17. PR-1242-U43291

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugasannya semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

**(Menteri Dalam Negeri)**

18. PR-1242-U43292

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi.

Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak di iktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputra Sabah dan Sarawak."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

19. PR-1242-U43302

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

20. PR-1242-U43959

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

**(Menteri Kesihatan)**

21. PR-1242-U43960

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

**(Menteri Pelajaran)**

22. PR-1242-U44889

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama"."

**(Perdana Menteri)**

23. PR-1242-U44890

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

**(Menteri Dalam Negeri)**

24. PR-1242-U43366

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor

mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

**(Menteri Kewangan)**

25. PR-1242-U43375

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

26. PR-1242-U43381

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bincian penduduk sejak tahun 1970 hingga bincian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

27. PR-1242-U44783

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

28. PR-1242-U44788

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, seperti mana yang diamalkan di Negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

**(Menteri Kewangan)**

29. PR-1242-U44154

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkut paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jika pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

30. PR-1242-U44981

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

**(Menteri Pelajaran)**

31. PR-1242-U44983

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

**(Perdana Menteri)**

32. PR-1242-U44985

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

33. PR-1242-U45062

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyak lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

34. PR-1242-U45063

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barang seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

35. PR-1242-U45064

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

36. PR-1242-U43833

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urus niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membernar untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Waren Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

**(Perdana Menteri)**

37. PR-1242-U43387

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

**(Perdana Menteri)**

38. PR-1242-U43398

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

**(Perdana Menteri)**

39. PR-1242-U43402

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

40. PR-1242-U43408

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

**(Menteri Dalam Negeri)**

41. PR-1242-U43419

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jika lau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

42. PR-1242-U43421

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

**(Perdana Menteri)**

43. PR-1242-U43424

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barang kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

44. PR-1242-U43425

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

45. PR-1242-U43427

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

**(Perdana Menteri)**

46. PR-1242-U43429

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barang lain juga akan turut naik.Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

47. PR-1242-U43431

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

**(Menteri Pelajaran)**

48. PR-1242-U43756

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan.

Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

49. PR-1242-U43407

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat".

**(Menteri Dalam Negeri)**

50. PR-1242-U43410

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin di kalangan rakyat sejak sebelum Merdeka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

51. PR-1242-U43412

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkuuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

52. PR-1242-U43414

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

**(Menteri Belia dan Sukan)**

53. PR-1242-U43471

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

**(Menteri Dalam Negeri)**

54. PR-1242-U43476

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

55. PR-1242-U44950

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan

hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

56. PR-1242-U44952

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

57. PR-1242-U44876

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

**(Perdana Menteri)**

58. PR-1242-U44878

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah perlaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

59. PR-1242-U44880

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

**(Perdana Menteri)**

60. PR-1242-U44881

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

**(Perdana Menteri)**

61. PR-1242-U44883

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

**(Menteri Kewangan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) Bagi Tahun 2010	15 Jun 2011

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri yang Bertanggungjawab</b>
1. 15.6.2011 (Rabu)	1. YB Tuan Jeff Ooi (Jelutong)	1. Dana Politik Dalam Zaman Wikileaks	1. YAB Perdana Menteri
2. 15.6.2011 (Rabu)	2. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)	2. Cadangan Pembinaan MRT Di Kawasan Bukit Bintang dan Impak Ke Atas Kehidupan Penduduk.	2. YAB Perdana Menteri